

# 13

## Menghidupkan Watak Dalam Karangan Melalui Strategi Pemprofilan

Sekolah Menengah Boon Lay



**Norfarhana Sabtu**

[norfarhana\\_sabtu@schools.gov.sg](mailto:norfarhana_sabtu@schools.gov.sg)



**Nur Lydia Johari**

[nur\\_lydia\\_johari@schools.gov.sg](mailto:nur_lydia_johari@schools.gov.sg)

### Abstrak

Kajian ini meneliti keberkesanannya pendekatan Pembelajaran Jelas (*Visible Learning*) dalam membantu pelajar mencipta pemprofilan watak yang menarik. Pelajar didapati tidak menitikberatkan watak dan perwatakan dalam penulisan karangan naratif dan kurang menyedari proses penciptaan watak ketika menulis. Kaedah perancahan (*scaffolding*) telah digunakan untuk mendedahkan pelajar kepada proses pemprofilan secara berperingkat. Pelajar didedahkan kepada kepelbagaiannya watak realistik yang terdapat dalam antologi cerpen dan mempelajari teknik pengembangan watak dan perwatakan menerusi penerapan media pembelajaran visual dan penggunaan pelbagai bahan lain. Berdasarkan dapatan kajian, pendekatan Pembelajaran Jelas ini berupaya memperkasakan pelajar untuk menghidupkan watak yang dinamik dalam karangan naratif.

Kata Kunci: *Visible learning, pemprofilan, scaffolding, karangan, watak dan perwatakan*

## PENGENALAN

Kemahiran menulis karangan memerlukan pelajar untuk menerapkan pengetahuan bahasa yang telah mereka pelajari dan mengolah idea atau pendapat berdasarkan situasi atau tajuk yang diberikan. Karangan naratif merupakan pilihan utama pelajar dan antara elemen penting dalam jenis penulisan karangan naratif ini merupakan penciptaan watak. Lantaran, kajian ini telah merakamkan usaha pemprofilan watak dalam penceritaan melalui pendekatan Pembelajaran Jelas.

Kaedah Pembelajaran Jelas telah dijalankan menggunakan kriteria kejayaan, soal selidik dan maklum balas guru. Hal ini dilakukan dengan tujuan supaya pelajar dapat menilai pemahaman mereka sendiri semasa mendokumentasikan pemprofilan watak dalam karangan mereka sepanjang tempoh proses penulisan. Apabila pembelajaran menjadi jelas (*visible*), maka pelajar akan mengetahui apa yang harus dilakukan dan bagaimana melakukannya. Pelajar juga akan mempelajari cara-cara untuk menilai kemajuan mereka sendiri dalam menghidupkan watak dalam penceritaan mereka. Kaedah Pembelajaran Jelas ini juga membolehkan guru untuk mengetahui sama ada pembelajaran sudah berlangsung ataupun tidak.

Dalam pengajaran pemprofilan watak, guru juga melaksanakan kaedah perancahan atau *scaffolding* untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap proses ini secara bertahap-tahap. Pendekatan perancahan ini bermula dengan menganalisis watak-watak dalam antologi cerpen sebelum guru mendedahkan beberapa aspek yang mempengaruhi penghidupan watak. Pelajar akan mengaplikasikan pengetahuan baharu di platform ICT seperti *Book Creator* secara berperingkat. Kaedah perancahan ini penting untuk membantu pelajar menjana idea dengan baik kerana mereka tidak dibanjiri dengan maklumat yang terlalu banyak pada satu-satu masa.

## PERNYATAAN MASALAH

Pelajar selalu mengambil jalan pintas dan memilih karangan naratif kerana ia dianggap lebih mudah jika dibandingkan dengan jenis karangan yang lain. Karangan naratif merupakan suatu komponen untuk menilai sejauh mana kreativiti seseorang pelajar itu dalam mengolah sebuah cerita, selain daripada aspek bahasa. Pengolahan plot karangan memerlukan pengembangan watak-watak yang akan menggerakkan cerita. Namun demikian, pelajar

selalu menitikberatkan bahagian plot sahaja dan tidak menyedari tentang proses penciptaan dan pengolahan watak-watak dalam karangan mereka. Berdasarkan prakajian yang telah dijalankan, pelajar mengabaikan aspek watak dan perwatakan ketika menulis kerana menganggapnya tidak penting. Hal ini menyebabkan karangan mereka kurang penghayatan dan tidak berjaya dikembangkan dengan baik. Keterbatasan ini telah menjadikan prestasi mereka dalam menulis sebuah karangan naratif yang baik.

Justeru, permasalahan dalam proses pemprofilan watak menjadi tumpuan kajian ini. Kajian ini akan menggunakan pendekatan Pembelajaran Jelas untuk membantu pelajar mendokumentasikan proses pemprofilan watak mereka dan kaedah perancangan untuk pengajaran watak dan perwatakan secara berperingkat. Selain mencapai matlamat asal kajian, teknik-teknik ini juga secara tidak langsung akan merangsang minat pelajar untuk mencipta watak-watak yang lebih menarik kerana terdapat penggunaan ICT sebagai elemen keseronokan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan Kaedah Pembelajaran Jelas dalam proses mengembangkan watak dan perwatakan dalam karangan naratif; dan
2. meningkatkan penulisan pelajar bagi bahagian pengembangan watak dan perwatakan dalam karangan naratif.

## KAJIAN LEPAS

Kajian ini memberi tumpuan terhadap pengembangan watak kerana menurut Alexander Steele (2003), watak merupakan teras dalam sesebuah cereka yang mempengaruhi setiap elemen fiksyen kerana wataklah yang menghidupkan cerita dan peristiwa yang berlaku yang ingin disampaikan oleh pengarang. Menurut Juliet Mushens (2015), seseorang itu boleh membina sebuah jalan cerita yang amat menarik, namun jika watak-watak dalam cerita tersebut kaku dan tidak menarik, cerita tersebut akan menghamparkan para pembaca. Juliet seterusnya menekankan bahawa watak dan perwatakan merupakan elemen utama dalam penulisan sebuah cerita. Beliau menyatakan bahawa terdapat banyak novel yang mempunyai plot dan latar yang baik, tetapi disebabkan

watak dan perwatakan tidak dikembangkan, ia menyebabkan pembacaan menjadi hambar dan mendatar.

### Pembelajaran Jelas (*Visible Learning*)

Dalam buku yang bertajuk ‘*Visible Learning*’ oleh John Hattie (2008), kajiannya berasaskan lebih daripada 800 meta-analisis dan analisis-analisis itu telah disahkan oleh lebih daripada 50,000 kajian-kajian empirikal. Berdasarkan kajian ini, guru merupakan faktor yang memberikan kesan yang mendalam jika dibandingkan dengan faktor-faktor lain yang mempengaruhi pembelajaran. Menurut beliau, pengajaran akan menjadi berjaya apabila guru melihat pembelajaran dari perspektif pelajar dan pelajar pula melihat diri mereka seperti guru bagi diri mereka sendiri. Yang penting, pembelajaran perlu jelas pada mata pelajar untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan.

### Perancahan (*Scaffolding*)

Perancahan merupakan kaedah pembelajaran yang membantu pelajar untuk memahami dan menjadi lebih berdikari secara progresif. Idea ini dipengaruhi konsep ‘*zone of proximal development*’ Vygotsky (1978) yang berpusatkan kepada tiga perkara dalam proses pembelajaran:

- Apakah tugas yang tidak boleh dilakukan pelajar?
- Apakah tugas yang boleh pelajar lakukan dengan bantuan?
- Apakah tugas yang boleh pelajar lakukan secara kendiri?

Menurut Caruana (2012), adalah penting untuk guru menyediakan sokongan yang konsisten. Sebagai contoh, perancahan boleh berbentuk sokongan seperti bahan-bahan pembelajaran, aktiviti latih tubi dan unsur-unsur pelajaran lain untuk membantu pelajar menunjukkan pemahaman terhadap objektif pembelajaran yang berkesan. Ini kerana terdapat segolongan pelajar yang tidak berani menyuarakan keprihatinan mereka kepada guru sekiranya mereka memerlukan bantuan. Oleh itu, kaedah perancahan ini akan dapat menyelesaikan masalah ini dengan memberikan sokongan melalui isi pengajaran yang disampaikan secara bertahap-tahap.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara berperingkat dengan menerapkan kaedah Pembelajaran Jelas. Tumpuan diberikan pada proses pengajaran guru

sebagai sesuatu yang boleh dilihat pelajar agar pembelajaran lebih berkesan. Kajian ini juga menerapkan elemen perancangan untuk membimbing pelajar secara progresif. Markah karangan akhir juga digunakan sebagai data untuk menilai keberkesanannya kaedah yang dijalankan dan impak pengajaran secara keseluruhan kepada penulisan karangan naratif pelajar. Pada akhir kajian ini, sebuah tinjauan dan temu bual telah dijalankan ke atas para pelajar untuk meraih maklumat lanjut.

## **Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada 8 orang pelajar Menengah 3 Ekspres dan 25 orang pelajar Menengah 3 Normal Akademik. Keupayaan para pelajar ini rencam. Kajian tindakan yang ringkas ini tidak mempunyai kumpulan kawalan.

## **Instrumen Kajian**

Lembaran kerja Pembelajaran Jelas menjadi instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu, penerapan teknologi telah dimuatkan untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran (PdP). Aplikasi Book Creator menjadi alat bantu ICT yang membantu pelaksanaan pembelajaran. Instrumen penilaian dalam bentuk penulisan karangan naratif sebelum dan selepas pelaksanaan pembelajaran serta peperiksaan akhir tahun menjadi kayu ukur untuk meneliti peningkatan pelajar. Kaedah soal selidik dan temu bual juga dijalankan untuk mendapatkan maklumat daripada para pelajar tentang aspek karangan yang dijalankan.

## **Prosedur Kajian**

Berikut merupakan maklumat ringkas penerapan kaedah Pembelajaran Jelas serta kaedah perancangan dalam proses mengembangkan watak dan perwatakan dalam karangan naratif.

### **1. Penilaian Diagnostik - Iman 1.0**

Sebagai permulaan, guru memberikan satu soalan karangan bertajuk ‘Iman’ sebagai penilaian diagnostik. Penulisan tersebut telah dijalankan pada awal tahun untuk mengukur kebolehan pelajar mengembangkan watak dan perwatakan dalam penulisan karangan naratif tanpa bantuan yang diberikan dari segi teknik perkembangan watak. Pemarkahan penilaian diagnostik ini tertumpu pada kekuatan dan kelemahan yang

ditonjolkan melalui pengembangan watak dan perwatakan.

2. Menganalisis watak-watak berbeza dalam antologi cerpen

Guru mendedahkan pelajar kepada beberapa watak berbeza yang realistik dan menarik dalam antologi cerpen ‘Tanjong Katong Airnya Biru’. Antara watak yang dianalisis termasuk watak bukan konvensional seperti watak disleksik dan autistik. Guru menggunakan aplikasi *Book Creator* untuk membolehkan pelajar cuba melukis watak dalam cerpen. Guru juga mengadakan aktiviti main peranan seperti Kerusi Panas (*Hot Seat*) agar pelajar dapat mengamati perspektif watak daripada cerpen yang dibaca.

3. Teknik Pengembangan Watak

Guru merumuskan langkah sebelumnya dengan memberitahu pelajar bahawa sebuah watak yang menarik dalam karangan dikembangkan dengan berkesan. Guru mengajar tiga teknik pengembangan watak secara terperinci.

Teknik pengembangan watak dan perwatakan:

a. Pengembangan melalui penampilan dan gambaran fizikal

- Pelajar mencipta kad pengenalan watak berdasarkan gambaran dalam teks.
- Pelajar melukis watak berdasarkan penerangan penulis dan pemahaman mereka sendiri terhadap watak yang ditampilkan dalam cerpen.

b. Pengembangan melalui tindakan watak

- Guru mencipta kad perwatakan dan mengadakan aktiviti lakonan agar pelajar dapat mengamati watak masing-masing.
- Pelajar merujuk kepada antologi cerpen dan menuliskan tindakan watak yang terdapat dalam cerpen dalam lembaran kerja. Pelajar perlu mengaitkan sifat yang ingin disampaikan oleh penulis cerpen berdasarkan tindakan watak yang digambarkan.

c. Pengembangan menerusi dialog watak yang menonjolkan keperibadiannya

- Dengan menggunakan kad perwatakan juga, pelajar mencipta sendiri dialog watak yang menonjolkan keperibadiannya dan interaksi dengan watak-watak lain.

Untuk setiap teknik yang diajarkan, guru meminta pelajar merujuk kembali karangan Iman 1.0 mereka berdasarkan kriteria kejayaan yang telah ditunjukkan pada permulaan pelajaran. Pelajar perlu memberikan penilaian terhadap karangan mereka sendiri dan mengenal pasti kelemahan yang terdapat dalam karangan mereka. Dengan membuat penilaian sedemikian, pembelajaran akan menjadi lebih ‘visible’ dan pelajar berupaya untuk mengubah suai pemprofilan watak Iman mereka secara berpandu. Guru juga akan memberikan maklum balas yang membina kepada pelajar berdasarkan pemprofilan watak mereka di *Book Creator* pada setiap peringkat. Ini akan membuat pembelajaran lebih aktif dan guru dapat menilai sejauh mana pemahaman pelajar terhadap teknik pengembangan watak dan perwatakan ini.

#### 4. Sesi Menemui Penulis

Guru menjemput Cikgu Djohan Abdul Rahman, salah seorang penulis cerpen yang digunakan dalam kajian ini. Pelajar menjalani kursus kilat bersama penulis untuk memperkasakan teknik pengembangan watak dan memahami perspektif penulis terhadap watak-watak.

#### 5. Iman 2.0

Setelah melalui pengajaran secara bertahap, guru meminta pelajar membuat pengubahsuaian kepada karangan Iman, terutama sekali bahagian watak dan perwatakan. Guru menerapkan Pengajaran Pembezaan (DI) yang memerlukan setiap pelajar tahap tinggi menerapkan ketiga-tiga teknik pengembangan watak yang telah diajar, pelajar tahap sederhana menerapkan dua teknik pengembangan watak dan pelajar tahap rendah pula menerapkan sekurang-kurangnya satu teknik pengembangan watak dalam karangan Iman yang baharu.

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian memperlihatkan pelajar mampu menambah nilai pada gambaran watak dengan menggunakan salah satu teknik pengembangan watak. Jika dibandingkan pada awalnya, pelajar kurang mengembangkan watak. Watak yang ditampilkan tidak mampu menyampaikan apa yang sebenarnya dimaksudkan pelajar. Secara purata juga, jumlah perkataan dalam penulisan karangan pelajar juga kurang, menjadikan cerita secara keseluruhannya tidak memberi kesan yang mendalam kepada pembaca. Pembaca tidak dapat menghargai cerita akibat kurang pemahaman yang jelas tentang watak.

Jadual 1: Contohan bagi Pembaikan pada Karangan Iman 2.0


Teknik Pengembangan Watak	Iman 1.0	Pembaikan (Iman 2.0)
Penampilan dan gambaran fizikal	Mereka membawaku ke bilik persalinan. Mereka memberi aku pakaian yang aku pakai lima tahun lepas.	Mereka membawaku ke bilik persalinan. Mereka memberi aku sepasang kemeja-T berkollar dan seluar panjang berwarna hijau tua. Itulah baju yang aku pakai semasa aku ditahan pihak polis lima tahun lepas. Setelah menyarung pakaianku, barulah aku sedar yang badanku susut banyak sejak kali akhir aku mengenakan pakaian ini.
Tindakan watak	Kak Long seorang kakak yang rajin dan bertanggungjawab kerana dia menjalankan tanggungjawab yang diberikan kepadanya walaupun dia bekerja.	Kak Long ialah anak yang perlu memikul tanggungjawab selaku anak sulung. Walaupun sibuk bekerja di sebuah kilang elektronik, Kak Long tangkas membuat kerja rumah. Baju-baju pasti sudah dicuci dan disidai serta lantai rumah pasti sudah disapu sebelum dia ke tempat kerja. Tidak pernah aku dengar Kak Long mengadu atau membantah arahan ibu.
Dialog watak yang menonjolkan keperibadiannya	“Iman sangat berbeza kalau dibandingkan dengan adik-beradik yang lain,” Iman mula bercerita.	“Iman bukan pandai sangat. Setakat bekerja di kilang. Tidak macam adik-beradik yang lain. Tidak macam Sarah, mahasiswa di universiti,” Iman mula bercerita.

Melalui data utama penulisan karangan Iman 2.0 yang dilakukan, kaedah Pembelajaran Jelas yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran amat berkesan dalam pengembangan watak dalam karangan pelajar. Contoh-contoh pembaikan pada karangan yang dibuat selepas intervensi guru tertera dalam Jadual 1.

Pada akhir pembelajaran, dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik pengembangan watak melalui dialog merupakan teknik yang paling banyak digunakan pelajar. Hal ini membuktikan aktiviti lakonan yang pelajar lakukan memberikan impak pada cara mereka mengembangkan watak dalam karangan. Rajah 1 berikut menunjukkan pilihan pelajar dalam penggunaan teknik pengembangan watak yang digunakan dalam penulisan karangan mereka.

Rajah 1: Peratusan Teknik Pengembangan Watak yang Digunakan dalam Iman 2.0

**Soalan: Teknik pengembangan watak mana satukah yang kamu gunakan dalam karangan Iman 2.0?**



**Maklum Balas Pelajar**

Dapatan kajian maklum balas bertulis pelajar mendapati bahawa 67% pelajar mengatakan bahawa mereka mampu menggunakan ketiga-tiga teknik pengembangan watak. Dapatan terperinci maklum balas ini tertera dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Dapatan Maklum Balas Pelajar dalam Pascakajian**

Pernyataan	Peratusan (%)
Saya mampu menggunakan ketiga-tiga teknik pengembangan watak	67%
Saya mendapat prestasi bertambah baik setelah selesai setiap pengajaran dan pembelajaran tentang teknik pengembangan watak	90%
Saya lebih berpuas hati dengan prestasi karangan saya secara menyeluruh.	88%

**Jadual 3: Maklum Balas Pelajar Mengenai Teknik Pengembangan Watak**

**Pelajar 1 (Tahap Tinggi):**

Selalunya, saya hanya akan pastikan watak saya berubah menjadi lebih baik pada akhir karangan supaya saya dapat selitkan nilai yang baik. Saya tidak beri penekanan sangat pada perkembangan watak kerana fokus saya adalah mencipta plot karangan yang dapat memikat perhatian pembaca. Selepas melalui pengajaran dan pembelajaran tentang teknik pengembangan watak, saya mampu mengembangkan watak untuk lebih memikat perhatian pembaca. Jumlah perkataan dalam karangan saya juga kelihatan lebih banyak. Bagi saya, agak seronok juga dapat menghidupkan watak agar dapat tampil lebih realistik dan pembaca dapat bayangkan sendiri watak yang saya cuba hidupkan.

**Pelajar 2 (Tahap Sederhana):**

Pengajaran yang paling saya gemar adalah apabila kami diberikan kad perwatakan dan kami perlu berlakon secara spontan berdasarkan kad perwatakan masing-masing. Ia amat menarik untuk berinteraksi dengan watak lain, tanpa melupakan perwatakan watak sendiri. Saya juga tahu untuk tidak memasukkan dialog yang tidak relevan yang tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam percakapan saya. Setelah saya memegang peranan sebagai watak itu, lebih mudah untuk saya gambarkannya dalam karangan saya.

### **Pelajar 3 (Tahap Rendah):**

Saya paling suka mengembangkan watak dengan memberikan gambaran fizikal watak kerana itu paling mudah bagi saya. Saya akan membayangkan rupa dan pakaian watak saya dalam karangan saya. Saya hanya mengembangkan watak dengan menggunakan satu teknik pengembangan watak sahaja kerana saya meluangkan banyak masa untuk membina plot karangan.

Jadual 3 merupakan maklum balas beberapa orang pelajar yang berbeza tahap kesediaan mengenai teknik pengembangan watak yang telah mereka pelajari.

### **Jadual 4: Maklum Balas Guru**

#### **Guru 1**

Proses kajian ini telah menyerlahkan kaedah Pembelajaran Jelas dan memberi impak yang besar dalam cara pelajar menulis karangan naratif. Kaedah Perancahan yang diterapkan juga berkesan dan telah meningkatkan keyakinan pelajar dalam mengarang. Sepanjang kajian ini, guru-guru dapat mengenal pasti pelajar yang menghadapi cabaran dalam mengembangkan watak lalu menyediakan sokongan tambahan secara berperingkat untuk memastikan semua pelajar dapat menghasilkan karangan yang berkualiti.

#### **Guru 2**


Amalan penggunaan dialog dalam penulisan dipertingkatkan lagi dengan pendekatan holistik yang membuat pelajar memahami perwatakan dengan menerapkan teknik-teknik pengembangan watak yang lain. Kajian ini juga telah mendorong pelajar untuk menulis dengan lebih kreatif sambil menyelami watak realistik dalam penulisan mereka. Pelajar kini boleh menggunakan sekurang-kurangnya satu daripada 3 strategi yang kami sediakan untuk meningkatkan kualiti penulisan mereka. Ini amat berguna kerana ia membolehkan pelajar menggunakan strategi yang mereka paling selesa selaras dengan tahap kecekapan mereka. Kajian ini juga berfungsi untuk membolehkan pelajar yang berbeza kecekapan untuk memperbaiki diri mereka dalam mencipta watak untuk penulisan mereka.

Jadual 4 pula menunjukkan beberapa maklum balas guru mengenai penerapan kaedah Pembelajaran Jelas dalam PdP pemprofilan watak.

## **CADANGAN**

Menerusi perbincangan dapatan kajian, saranan-saranan berikut diketengahkan untuk meningkatkan keberkesanannya penilaian kajian pengajaran yang dijalankan:

1. Pengumpulan data yang menunjukkan pencapaian pelajar dari segi kualiti pada peperiksaan tahun lalu supaya perbandingan dengan dapatan di peringkat kajian pengajaran dan peperiksaan akhir tahun ini dari segi kekuatan dan kelemahan dapat dilakukan dengan lebih tepat.

- 
- 
2. Menjalankan perbincangan kumpulan fokus untuk memahami respons pelajar dari segi penulisan dan juga perlakuan sewaktu aktiviti pembelajaran.
  3. Pengajaran dan pembelajaran ini boleh dilaksanakan untuk pelajar-pelajar peringkat Menengah 1 dan 2. Lebih awal pelajar didedahkan kepada teknik pengembangan watak dan perwatakan secara terperinci, lebih berkesan penceritaan mereka.
  4. Satu lagi teknik pengembangan watak iaitu pengembangan watak menerusi reaksi watak-watak lain terhadap watak tersebut boleh diajarkan kepada pelajar, khususnya kepada pelajar yang mempunyai tahap kesediaan yang tinggi untuk mengasah kemahiran berfikir aras tinggi.


## KESIMPULAN

Dapatan kajian jelas menunjukkan keberkesanan kaedah Pembelajaran Jelas dan perancahan dalam pengembangan watak. Kajian ini mendatangkan kesan yang memberangsangkan kerana guru-guru telah melihat peningkatan dalam cara pelajar mengembangkan watak dan perwatakan dalam peperiksaan akhir tahun juga. Secara keseluruhan, kepelbagaiannya alat pengajaran yang digunakan sepanjang kajian dapat memupuk minat pelajar dalam menghidupkan watak dalam karangan naratif. Penerapan ICT dan kepelbagaiannya alat dan kaedah pengajaran juga dapat mengukuhkan pemahaman pelajar kerana jika mereka seronok melakukan tugas, mereka akan mudah mengingat semula apa yang telah dipelajari.

Bukan itu sahaja, kajian ini memastikan keperluan profil pelajar yang pelbagai dipenuhi dan meningkatkan keyakinan mereka dalam mengarang. Secara tidak langsung, pendedahan kepada kepelbagaiannya watak dalam cerpen juga telah mendorong pelajar untuk membaca dengan lebih meluas.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Siti Elfareeza Ul Haq



## RUJUKAN

- Card, O. S. (2010). *Characters & Viewpoint*. Cincinnati, Ohio: Writer's Digest Books.
- Caruana, V. (2012). *Scaffolding student learning: Tips for getting started*. (<http://www.facultyfocus.com/articles/instructional-design/scaffolding-student-learning-tips-for-getting-started/>)
- Ghazali, M. I. & Nuwairi, Hj. K. (2010). *Teknik Penulisan Karangan Naratif dan Deskriptif*. (2<sup>nd</sup> Edition). Singapore: Warisan Media.
- Mushens, J. (2015). *Get Started in Writing Young Adult Fiction*. London: John Murray Learning.
- Steele, A. (2003). *Writing Fiction*. New York and London: Bloomsbury
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Wolff, J. (2011). *Your Creative Writing Masterclass*. London and Boston: Nicholas Brealey Publishing